

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah pelancong mengikut jenis produk pelancongan dan anggaran perbelanjaan mereka bagi setiap jenis produk pelancongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ketibaan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2020 adalah berjumlah 4.3 juta pelancong, iaitu turun 83.4% berbanding 26.1 juta pelancong pada 2019. Ini adalah rentetan daripada penutupan pintu sempadan negara untuk tujuan pelancongan selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dalam membendung penularan COVID-19.

2. Data yang dijana oleh Tourism Malaysia melaporkan penjana pendapatan daripada pelancong asing juga telah menyusut akibat pengurangan kehadiran pelancong asing ini, iaitu sebanyak 85.3%, dengan nilai RM12.69 bilion pada tahun 2020 berbanding RM86.14 bilion pada 2019.

3. Komponen perbelanjaan pelancong pada tahun 2020 yang tertinggi adalah daripada aktiviti membeli-belah iaitu sebanyak RM4.48 bilion, diikuti penginapan sebagai komponen kedua tertinggi berjumlah RM2.96 bilion. Manakala makanan dan minuman menyumbang kepada komponen ketiga tertinggi dengan jumlah RM1.85 bilion.

4. Sementara itu, pecahan komponen-komponen lain perbelanjaan pelancong termasuklah pengangkutan tempatan sebanyak RM920.5 juta, lawatan yang terancang sebanyak RM602.4 juta, hiburan sebanyak RM351.4 juta dan perubatan sebanyak RM351.4 juta.

Sekian, terima kasih.